

01 JUN 2002

Hadi-Hudud

TERENGGANU SEDIA SERAH UNDANG-UNDANG HUDUD KEPADA PEGUAM NEGARA

KOTA BAHARU, 1 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata kerajaan negeri bersedia menyerahkan Rang Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) kepada Peguam Negara dan kerajaan pusat untuk dinilai selepas semua prosedur awal diselesaikan.

Katanya selepas rang undang-undang itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri awal Julai ini, kerajaan negeri akan menyerahkannya kepada kerajaan pusat bagi proses mendapatkan kelulusan termasuk daripada Parlimen.

"Sekarang ini kita masih dalam peringkat mendengar pandangan daripada pelbagai pihak seperti masyarakat, NGO (Badan Bukan Kerajaan) dan dari parti-parti politik," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan Terengganu sepatutnya menyerahkan rang undang-undang itu kepada Jabatan Peguam Negara untuk memastikan kesesuaiannya dengan konsep keadilan dalam Islam.

Abdul Hadi berkata reaksi dan pandangan yang diterima daripada pelbagai pihak "adalah baik dan positif" bagi menunjukkan bahawa rang undang-undang itu secara dasarnya diterima semua pihak.

"Komen yang diterima hanya mempertikaikan soal teknikal sahaja seperti masalah saksi dan masalah rogol. Itu timbul kerana tidak ada kejelasan dalam perkara ini," katanya.

Menurutnya dalam tempoh beberapa hari ini kerajaan negeri akan menemui banyak pihak termasuk dengan rombongan Sisters In Islam dan NGO yang meminta penjelasan dalam beberapa perkara dan kandungan rang undang-undang itu.

Abdul Hadi berkata pihaknya juga bersedia untuk menemui pemimpin Umno dan kerajaan pusat jika ia dilakukan menerusi prosedur dan bukannya secara tidak langsung seperti akhbar dan media.

Menurutnya rang undang-undang itu yang hanya tertakluk kepada orang Islam tidak sewajarnya dipertikaikan kerana hukum itu dibuat mengikut dasar di dalam Al-Quran dan hadis, oleh itu wajib dipatuhi umat Islam.

Beliau berkata masyarakat juga tidak perlu bimbang mengenai konsep keadilan kerana rang undang-undang itu perlu dibacakan dengan rang undang-undang lain membabitkan prosedur Mahkamah Syariah, undang-undang takzir dan undang-undang keterangan yang telah diluluskan di DUN Terengganu yang lepas.

-- BERNAMA

RAR ZB